

**Najib dibenar pulang tapi perlu diperiksa lagi**  
**Malaysiakini.com**  
**November 07, 2010**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini dibenarkan keluar Hospital Kuala Lumpur (HKL) setelah dimasukkan ke hospital itu sejak Khamis lalu.

"Beliau respon baik terhadap rawatan yang diberikan dan kini boleh mengikuti diet biasa," kata Ketua pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican dalam kenyataan di Kuala Lumpur hari ini.

Najib pada mulanya dirawat kerana cacar tetapi pada Khamis lalu beliau dimasukkan ke hospital itu ekoran rasa tidak selesa dalam perut disebabkan ulser dan gastritis ringan.

Dr Mohd Ismail berkata cacar air pulih dengan baik dan para doktor menasihati beliau agar berehat di kediaman.

Perdana Menteri dijadual mengikuti pemeriksaan perubatan dalam masa beberapa hari, kata beliau.

Beliau juga berkata Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan perubatan HKL dan doktor peribadinya kerana dedikasinya dalam tidak terhingga dalam menjaga kesihatan beliau.

--Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147517>